

# Ekuinas bentuk TPA terbesar

**KUALA LUMPUR 8 Jan.**

- Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas) mengumumkan dua pelaburan bernilai RM79.8 juta dalam dua syarikat penyedia perkhidmatan Pentadbir Tunutan Perubatan Pihak Ketiga (TPA) iaitu Kumpulan MediExpress (MediExpress) dan PMCare Sdn. Bhd. (PMCare).


Menurut Ekuinas, TPA bertindak sebagai penghubung antara pengguna, pembiaya perubatan dan penyedia perkhidmatan kesihatan dengan memanfaatkan pertumbuhan pasaran penjagaan kesihatan dan insurans kesihatan.

Jelas syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan itu lagi, pelaburan ke dalam MediExpress dan PMCare menandakan penglibatan sulungnya dalam sektor penjagaan kesihatan.

Sementara itu, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, sektor penjagaan kesihatan merupakan satu daripada enam sektor sasaran Ekuinas yang dikenal pasti untuk pelaburan.

Katanya, pasaran TPA membentuk subsektor pantas berkembang dengan saiz dianggarkan bernilai RM100 juta serta dijangka mencatatkan pertumbuhan 10 peratus setahun untuk mencecah angka RM156 juta menjelang 2019.

“Kedua-dua syarikat ini me-



**RAJA TAN SRI ARSHAD  
RAJA TUN UDA**

nyediakan landasan bagi Ekuinas untuk mewujudkan sebuah penyedia perkhidmatan TPA yang utama di Malaysia dan di peringkat serantau sejajar dengan mandat Ekuinas untuk melahirkan syarikat peneraju pasaran generasi baharu,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pelaburan itu merangkumi pemerolehan kepentingan 60 peratus ekuiti dalam (MediExpress), yang terdiri daripada MediExpress (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Health Connect Sdn. Bhd., serta 60 peratus ekuiti dalam PMCare Sdn. Bhd. (PMCare).

MediExpress ialah sebuah Organisasi Penjagaan Terurus (MCO) yang mengendalikan TPA untuk syarikat insurans dan segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS), manakala PMCare ialah penyedia perkhidmatan TPA milik bumiputera, yang memberi tumpuan kepada segmen pelanggan korporat.

Dua syarikat itu dijangka akan digabungkan pada masa depan dibawah sebuah syarikat induk, bagi mewujudkan penyedia perkhidmatan TPA terbesar di Malaysia dengan 40 peratus pasaran dan lebih daripada dua juta ahli, menurut Ekuinas.